


SEMINAR PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN



Sebelum dibentuknya kumpulan penajaran undang-undang yang diikuti di negari-negeri Malaysia ialah undang-undang Islam yang telah mewujudkan setakat undang-undang stat Malaysia. Akan tetapi sejak British mengambil alih Melaka sebagai

**ANJURAN
JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

sejak jajahan dan kemudiannya apabila mereka mengembangkan kuasa dan peraturannya ke negeri-negeri Melaka, undang-undang Inggeris telah dikenal pasti dan diterapkan kepada negeri-negeri Melayu. Undang-undang manakamah-sivil yang ditadbir dalam British. Enam-

**KERTAS KERJA DASAR
PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI DI MALAYSIA**

Undang-undang Sivil, 1957 yang dikenakan kepada negeri-negeri persekutuan telah berlaku pada 1957. Ia tidak terdapat manakamah yang ditadbir oleh Y. BHG. PROF. TAN SRI DATO' AHMAD IBRAHIM. Ia telah dipakai oleh manakamah-mahkamah sivil. Undang-undang ini adalah kaedah-kaedah pentadbiran yang ditadbir oleh DEKAN KULLIYYAH UNDANG-UNDANG UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA.

Peruntukan-peruntukan enakmen itu telah diperluaskan kepada negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu pada 1957 dan pada tahun 1965 pula telah dilanjutkan dengan peruntukan Penan Malaysia, termasuk Pulau Pinang. Peruntukan-peruntukan ini telah diperluaskan dengan

**PADA
25 - 26 OGOS 1993**

**TEMPAT
BILIK JUMAAH
PARAS 5, BANGUNAN PENTADBIRAN
UKM BANGI**

*Perpustakaan Undang-Undang
Universiti Malaya*

Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
BABU

Pengajian Shariah dan Undang-Undang diInstitusi Pengajian Tinggi Malaysia

Sebelum datangnya kuasa penjajah undang-undang yang diikuti di negeri-negeri Melayu ialah undang-undang Islam yang telah mengubahsuaikan setakat yang perlu undang-undang adat Melayu. Akan tetapi selepas British mengambil Pulau Pinang dan Melaka sebagai tanah jajahan dan kemudiannya apabila mereka mengembangkan kuasa dan pengaruhnya ke negeri-negeri Melayu, undang-undang Inggeris telah dimasukkan melalui perundangan dan keputusan mahkamah-mahkamah sivil, yang diketuai oleh Hakim-hakim British. Enakmen Undang-Undang Sivil, 1937, yang dikenakan kepada negeri-negeri Melayu Bersekutu telah memperuntukan jika tidak terdapat mana-mana undang-undang bertulis, undang-undang yang hendaklah dipakai oleh mahkamah-mahkamah sivil ialah common law dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England pada tarikh berkuatkuasanya enakmen itu. Peruntukan-peruntukan enakmen itu telah diperluaskan kepada negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu pada 1951 dan pada tahun 1965 pula telah diperluaskan keseluruh Persekutuan Tanah Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka. Apabila Malaysia ditubuhkan Ordinan Undang-Undang Sivil, 1956, itu telah diperluaskan dengan beberapa pengubahsuaian ke Sabah dan Sarawak dan ia diperkenalkan sebagai Akta Undang-Undang Sivil, 1956. Hasil dari perkembangan itu ialah suguhpun undang-undang Islam pada teorinya menjadi undang-undang asas dan undang-undang tempatan di Malaysia.

Semenanjung (dan bersama dengan adat anak negeri) di Sabah dan Sarawak, pada praktiknya dan sebetulnya undang-undang Inggeris telah menjadi undang-undang asas dan undang-undang tempatan Malaysia. Undang-Undang Inggeris juga telah menjadi undang-undang yang berpengaruh dan paling mustahak di Malaysia, oleh kerana undang-undang Islam dan Mahkamah-Mahkamah Syariah yang mentadbirkannya telah diturunkan ke tempat yang lebih rendah. Selepas Merdeka, kuasa kehakiman Persekutuan telah diletakkan kepada Mahkamah-mahkamah Sivil, iaitu Mahkamah Persekutuan (kemudiannya Mahkamah Agung), Mahkamah-mahkamah Tinggi, dan Mahkamah-Mahkamah Rendah dibawahnya. Mahkamah-mahkamah Syariah telah menjadi mahkamah negeri dan bidangkuasa dan kuasanya telah disekat oleh Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Persekutuan. Jelaslah "undang-undang Islam" tidak dimasukkan didalam ta'arif undang-undang di Perlembagaan Persekutuan dan sungguhpun dengan wujudnya Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, mahkamah-mahkamah syariah didalam wilayah-wilayah itu telah sebetulnya menjadi mahkamah Persekutuan, ia tidak diiktiraf sedemikian dan tidak ada peruntukan diadakan mengenai penubuhan dan kuasanya diperuntukan pokok di Perlembagaan Persekutuan; begitu juga Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri tidak ditubuhkan di bawah Perlembagaan-perlembagaan negeri. Mahkamah-mahkamah sivil diletakkan di kemuncak sistem kehakiman. Mereka bebas dari pengaruh pemerintah dan hakim-hakim Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi diberi tempat yang tinggi dan istimewa di dalam perkhidmatan Kerajaan. Perlaksanaan kedaulatan undang-undang diserahkan kepada

mereka dan gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan pencen mereka terjamin didalam Perlembagaan. Pegawai kehakiman dan perundangan dibawah Hakim-hakim itu dipilih dari orang-orang yang berkelayakan dan dari Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang berasingan. Kemudahan yang cukup diberi bagi mahkamah-mahkamah sivil, seperti bangunan dan pegawai-pegawai menyokong. Sebaliknya mahkamah-mahkamah Syariah pada masa dahulu sudah lama diabaikan dan hampir terlupa. Tidak terdapat perkhidmatan kehakiman dan perundangan berasingan baginya dan hakim-hakim dan pegawainya hanya menjadi anggota Perkhidmatan Awam Am dan mahkamah-mahkamah syariah itu dibawah Kawalan Majlis Agama dan Jabatan Agama. Hakim-hakim Mahkamah Syariah tidak diberi status yang bebas, gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seperti yang diberi kepada hakim-hakim mahkamah sivil. Kemudahan-kemudahan yang diberi kepada Mahkamah-mahkamah Syariah jauh lebih rendah dari yang diberi kepada Mahkamah-mahkamah Sivil.

Keadaan telah berubah dan sedikit demi sedikit Mahkamah-mahkamah Syariah dan undang-undang Islam telah diberi tempat yang sewajarnya di Malaysia. Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan tidak lagi menyebut bahawa kuasa kehakiman Persekutuan terletakhak kepada Mahkamah-mahkamah Sivil dan Fasal (1A)nya memperuntukan bahawa Mahkamah-mahkamah Tinggi Sivil dan mahkamah-mahkamah dibawahnya tidak lagi mempunyai bidangkuasa didalam apa-apa perkara yang termasuk didalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah telahpun dipisahkan dari Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama dan

bolehlah dikata mempunyai status bebas dibawah Akta dan enakmen-enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam. Hakim-hakim dan pegawai Mahkamah Syariah telah diletakkan ditingkatan profesional dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik termasuk bangunan mahkamah dan pegawai membantu telah diberi kepadanya. Mahkamah-mahkamah Syariah sekarang di susun semula didalam tiga peringkat ialah Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Perundangan yang boleh dikatakan lengkap telah diadakan untuk pentadbiran undang-undang keluarga Islam, undang-undang keterangan dan acara mal dan jenayah yang dipakai di Mahkamah-mahkamah Syariah. Masa hadapan untuk Mahkamah Syariah adalah cerah dan orang-orang Islam telah diberi peluang untuk mempastikan bahawa undang-undang Islam dapat dikenakan kepada orang-orang di Malaysia. Untuk membolehkan kita mencapai hasrat ini kita perlu melatihkan pegawai dan kakitangan yang akan ditugaskan mentadbir mahkamah-mahkamah syariah kita.

Oleh kerana pemisahan antara undang-undang sivil dan undang-undang Islam, dan antara mahkamah-mahkamah sivil dan mahkamah-mahkamah Syariah, terdapat juga pemisahan antara pegawai-pegawai Mahkamah Sivil dan pegawai mahkamah Syariah. Pada masa dahulu boleh dikatakan semua pegawai mahkamah sivil termasuk hakim, magistret, pegawai undang-undang dan peguambela dan peguamcara telah dilatih di England. Mereka memperolehi ijazah undang-undang di England dan kemudian diterima masuk sebagai barrister-at-law atau solicitor. Dengan cara itu mereka telah menyerapi prinsip-prinsip undang-

undang Inggeris dan telah menjadi pengikut dan pejuang undang-undang Inggeris. Sebaliknya pegawai jabatan agama, termasuk qadhi dan hakim, telah kebanyakannya dididik di Al-Azhar, Mesir, atau di Arab Saudi. Mereka telah mempelajari Shariah termasuk fiqh dan telah menjadi pakar didalam teori undang-undang Islam. Apabila bakal pegawai-pegawai di mahkamah sivil dan mahkamah syariah kembali ke Malaysia, mereka telah menjalankan tugas masing-masing berasingan. Jarang ada perhubungan antara mereka dan sungguhpun usaha telah dibuat dalam tahun 1940 dan berikutnya untuk menubuhkan Persatuan Siswazah Melayu, ahli-ahlinya kebanyakannya telah terlibat dengan perjuangan untuk mencapai merdeka. Oleh kerana perbezaan yang terdapat antara status mahkamah Sivil dan mahkamah Syariah, siswazah Shariah dari Mesir dan Saudi Arabia telah diletakkan ditempat yang mana saraan, pangkat, dan kedudukannya kurang, jika dibandingkan dengan siswazah dari universiti-universiti atau badan profesional Inggeris.

Dengan perkembangan yang pesat pelajaran tinggi di Malaysia, universiti-universiti tempatan telah ditubuhkan, yang awal Universiti Malaya di Singapura, kemudian Universiti Malaya di Kuala Lumpur diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Di Universiti-universiti ini pengasingan antara pendidikan bagi peguam sivil dan pendidikan peguam syariah telah diteruskan. Di Universiti Malaya, Fakulti Undang-Undang yang awal sekali di Malaysia, telah ditubuhkan pada tahun 1972. Fakulti Syariah pula telah ditubuhkan pada tahun 1981 apabila Akademi

Islam, Universiti Malaya, telah mengambil alih Yayasan Pengajian Tinggi, Islam, Kelantan. Terdapat juga Jabatan Pengajian Islam di Fakulti Sastera di Universiti Malaya. Di Universiti Kebangsaan Malaysia, telah diadakan Jabatan Syariah di Fakulti Pengajian Islam dan ada juga Fakulti Undang-Undang. Institut Teknologi Mara mempunyai Sekolah Undang-Undang dan Pentadbiran. Fakulti Undang-Undang yang terakhir telah diwujudkan di Universiti Islam Antarabangsa, yang akan dihuraikan kemudian.

Fakulti Undang-Undang di Universiti Malaya menumpukan kepada pelajaran undang-undang sivil di Malaysia. Didalam buku panduannya disebut seperti berikut -

"Fakulti Undang-Undang di Universiti Malaya telah ditubuhkan pada tahun 1972. Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya menawarkan kursus-kursus untuk ijazah-ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB), Sarjana Undang-Undang (LLM), Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) dan Doktor Falsafah (PhD). Selain dari itu Universiti ini mempunyai kuasa menganugerahkan ijazah Doktor Undang-Undang (LLD).

Fakulti ini bermula dengan 50 orang mahasiswa. Semenjak tahun 1978 pengambilan tahunan mahasiswa ialah seramai 100 orang penuntut.

Kumpulan pertama pelajar undang-undang lulus dan mendapat ijazah dalam tahun 1976. Sebahagian lepasan Fakulti Undang-Undang telah memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Kerajaan Persekutuan. Mereka sekarang bertugas di seluruh Malaysia selaku

Pegawai Undang-Undang, Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendakwa Raya dan lain-lain. Sebahagian telah memasuki badan-badan berkanun sebagai penasihat undang-undang. Ramai sedang menjalankan kerja sebagai pengamal undang-undang diseluruh negara ini. Beberapa orang telah tamat pengajian ijazah tinggi Universiti-universiti London, Oxford dan Cambridge, Monash, Australian National University, Harvard dan Yale. Sebilangan daripada kumpulan yang terakhir ini kini sedang berkhidmat di Fakulti sebagai tenaga pengajar.

Tenaga pengajar Fakulti ini berjumlah hampir 40 orang. Walaupun sejumlah besar tenaga pengajar adalah rakyat Malaysia, ramai yang datang dari negara-negara common law yang lain. Lagipun, dari masa ke semasa lawatan jangka pendek oleh sarjana undang-undang diaturkan dengan ini menekankan lagi suatu pendekatan terhadap pengajian undang-undang yang melampaui kepentingan tempatan dan kebangsaan.

Fakulti juga mengendalikan satu kursus pengajaran untuk Sijil Amalan guaman dari bulan Februari sehingga minggu pertama bulan Julai setiap tahun. Matlamat kursus ini adalah untuk menyediakan calon-calon untuk peperiksaan Sijil Amalan Guaman dan kursus pengajaran ini dikendali sebagai satu aktiviti kurikular tambahan. Pemohon yang berjaya bukanlah pelajar berdaftar di Universiti Malaya. Tenaga pengajar untuk kursus ini terdiri dari kakitangan penuh masa Fakulti, Majlis Peguam dan Jabatan Peguam Negara.".

Fakulti Syariah di Universiti Malaysia mengatmakan pelajaran Syariah
dengan menggunakan bahasa Inggeris dan Arab.

Di Fakulti itu terdapat hanya dua kursus mengenai undang-undang Islam, yang ditawarkan iaitu Undang-Undang Islam I dan Undang-Undang Islam II akan tetapi dua-duanya adalah kursus pilihan. Seorang pelajar boleh mendapat Sarjana muda Undang-Undang dengan tidak perlu mempelajari undang-undang Islam. Bahasa perantaraan ialah Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan kursus diberi untuk dua-dua bahasa itu.

(2 jam seminggu)

Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, telah mencuba memberi kuliah didalam undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Selain dari matapelajaran undang-undang sivil menurut kebiasaan dan yang perlu, kursus LL.B. termasuk juga undang-undang Islam pada tiap-tiap tahun seperti berikut -

<u>Tahun Pertama</u>	Pengantar kepada Perundangan Islam
<u>Tahun Kedua</u>	Jurispruden Islam - Kekeluargaan, Warisan dan Transaksi Komersan
<u>Tahun Ketiga</u>	Jurispruden Islam - Jenayah dan Pentadbiran Undang-Undang
<u>Tahun Keempat</u>	Prinsip-prinsip Jurispruden Islam (Pilihan)

Bahasa perantaraan ialah Bahasa Malaysia dan bahasa yang diajar ialah Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Fakulti Syariah di Universiti Malaya mengutamakan pelajaran Shariah akan tetapi ia memberi tiga jenis pelajaran pilihan iaitu (a) Undang-Undang (b) Ekonomi dan (c) Sains Sosial. Pilihan undang-undang adalah seperti berikut -

Tahun Pertama Pengantar kepada Sistem Undang-Undang di Malaysia (2 jam seminggu)

Jurisprudensi Undang-Undang Perlembagaan dan Pentadbiran (2 jam seminggu)

Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia (2 jam seminggu)

Tahun Kedua Undang-Undang Kontrak (2 jam seminggu)

Undang-Undang Tanah (2 jam seminggu)

Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (2 jam seminggu).

Tahun Ketiga Undang-Undang Jenayah (2 jam seminggu)

Undang-Undang Harta (2 jam seminggu)

Undang-Undang Zakat dan Baitul-Mal (2 jam seminggu)

Tidak ada kursus undang-undang di tahun ke-empat. Bahasa perantaraan ialah Bahasa Malaysia dan bahasa yang diajar adalah Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Jabatan Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia juga mengutamakan pelajaran syariah. Di tahun pertama dan kedua terdapat kursus pengajian umum di Fakulti Pengajian Islam dan hanya di tahun ketiga

dan keempat pelajar-pelajar diterima ke jurusan syariah, dimana terdapat juga beberapa matapelajaran undang-undang diberi. Matapelajaran undang-undang yang diberi didalam jurusan syariah wal Qanun termasuk -

1. Undang-Undang Kontrak
2. Pentadbiran Keadilan Jenayah
3. Jurispruden
4. Undang-Undang Keluarga
5. Undang-Undang Keterangan dan Acara
6. Undang-Undang Trust
7. Undang-Undang Jenayah
8. Undang-Undang Tort
9. Undang-Undang Trust
10. Undang-Undang Pentadbiran Hukum Islam di Malaysia
11. Undang-Undang Antarabangsa
12. Undang-Undang Perlembagaan

Bahasa perantaraan ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Arab dan bahasa yang diajar ialah Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Pada masa sekarang jelaslah status seorang yang lulus dari Fakulti Undang-Undang dan yang lulus dari Fakulti Syariah jauh bezanya satu dengan lain. Seorang yang lulus dari Fakulti Undang-Undang adalah "seorang berkelayakan" untuk maksud Akta Profesyen Guaman dan dia layak menjadi peguambela dan peguamcara atau pegawai kehakiman dan perundangan didalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Ia

juga berpeluang menjadi Penolong Pensyarah di Fakulti Undang-Undang itu dan boleh mendapat tempat sebagai penasihat undang-undang di Badan Korporat dan perniagaan. Sebaliknya seorang yang lulus dari Fakulti Syariah boleh memasuki Perkhidmatan Pegawai Agama atau menjadi hakim atau pegawai Mahkamah Syariah. Sungguhpun seorang yang lulus dari Fakulti Syariah, seperti juga seorang yang lulus dari Fakulti Undang-Undang telah belajar empat tahun di Universiti, dia diberi tempat yang lebih rendah status dan gajinya. Perbezaan antara seorang yang lulus undang-undang dan seorang yang lulus syariah biasanya merugikan orang yang lulus syariah.

Perbezaan antara status yang diberi kepada orang-orang yang lulus Shariah itu menjaskan juga kedudukan Mahkamah Syariah oleh kerana hakim-hakim Mahkamah Syariah diberi juga status yang lebih rendah kerana mereka dianggap bukan "orang yang berkelayakan" untuk maksud Akta Profesyen Guaman, mereka tidak mahir didalam undang-undang sivil termasuk Perlembagaan Persekutuan dan mereka tidak cekap didalam Bahasa Inggeris. Oleh kerana itu kedudukan lebih tinggi pangkat dan kedudukan Mahkamah Sivil dan hakim-hakim dan pegawai-pegawaiannya akan berterusan. Sebaliknya hakim-hakim dan pegawai-pegawai di Mahkamah Sivil hanya mengetahui sedikit sahaja mengenai undang-undang Islam dan Hukum Shara' dan mereka tidak dapat menghargainya atau berminat menggunakan undang-undang itu walaupun semua pihak yang terlibat adalah orang Islam. Mereka akan terus mengagungkan undang-undang Inggeris dan menganggap undang-undang itu lebih baik dari undang-undang Islam. Pemisahan antara undang-

undang Sivil dan undang-undang Islam akan dikekalkan dan usaha untuk memasukkan dan menggunakan undang-undang Islam untuk orang-orang Islam tidak akan berkesan.

Sesuatu tujuan ditubuhkan Kulliyyah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa ialah untuk membetulkan keadaan itu. Objektif penubuhan Kulliyyah Undang-Undang adalah -

- (a) sebagai objektif masa singkat, untuk mendidik ahli profesyen undang-undang yang berkelayakan didalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam, yang kuat iman dan kepercayaan kepada nilai-nilai Islam dan oleh kerana itu boleh megamal dan menggunakan ajaran-ajaran Islam didalam kehidupan dan profesiannya,
- (b) sebagai objektif untuk masa hadapan berusaha supaya undang-undang Islam diterima dan digunakan sebagai undang-undang asas bagi orang-orang Islam.

Kulliyyah Undang-Undang itu telah mencuba mencantumkan sukanan pelajaran di Fakulti Syariah dan Fakulti Undang-Undang yang ada didalam satu Kulliyyah, oleh kerana itu sukanan pelajarannya menjadikan undang-undang sivil dan undang-undang Islam sebagai kursus wajib. Semua subjek atau matapelajaran yang dipandang perlu bagi undang-undang sivil dan dipandang perlu bagi undang-undang Islam adalah diwajibkan untuk mendapat ijazah LL.B. Ijazah LL.B. itu telah diiktiraf sebagai kelayakan yang membolehkan seorang yang

mendapatnya menjadi "orang yang berkelayakan" untuk maksud Akta Profesyen Guaman. Bahasa yang digunakan untuk pelajaran undang-undang sivil ialah Bahasa Inggeris dan bahasa yang digunakan untuk pelajaran undang-undang Islam atau Shariah adalah Bahasa Arab atau Inggeris. Memanglah tidak dinafikan untuk membolehkan ijazah LL.B. itu diiktiraf sebagai kelayakan profesional tumpuan diberi lebih sedikit kepada undang-undang sivil dan undang-undang yang ada di Malaysia. Untuk membetulkan perkara ini, kursus tahun lima ditambahkan untuk membolehkan pelajar-pelajar mengkhususkan pelajaran didalam Syariah. Di tahun lima kursus-kursus yang diberi semuanya mengenai Hukum Shara' dan diajar didalam Bahasa Arab. Ijazah yang diberi ialah LL.B Shariah. Oleh kerana itu seorang yang lulus mendapat LL.B., lebih-lebih lagi jika ia mendapati ijazah LL.B. Shariah selepas itu, dari Universiti Islam Antarabangsa adalah berkelayakan berkhidmat dan menjadi pengamal undang-undang dan syariah di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Jika ia bertugas di Mahkamah Syariah, dia mendapat membawa status "orang yang berkelayakan" dan dengan itu meninggikan status, taraf dan nama baik Mahkamah Syariah. Jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang lulus dari universiti-unversiti di Mesir, atau Arab Saudi atau dari Fakulti atau Jabatan Syariah dia akan mempunyai pengalaman yang lebih luas mengenai perjalanan dan pelaksanaan undang-undang di Malaysia, khususnya mengenai undang-undang keterangan dan acara, yang dipakai di Mahkamah. Dia juga boleh bertemu dan bercampur dengan pegawai-pegawai di Mahkamah Sivil yang tarafnya sama dengannya dan dia boleh memimpin dan mengawal peguam-

peguam syarie yang hadir dihadapannya. Sebaliknya jika dia bertugas di Mahkamah Sivil, oleh kerana pengetahuannya mengenai undang-undang Islam dan penghargaan yang diberi olehnya kepada undang-undang Islam, dia adalah lebih minat dan mampu berusaha supaya undang-undang Islam itu diterima dan dipakai. Dia juga lebih mudah faham dan mengerti perjalanan dan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah. Dengan ini percanggahan antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dan antara Undang-Undang Islam dan undang-undang Sivil akan diatasi dan dua-dua undang-undang dan Mahkamah itu dapat bekerja sama untuk mencapai keadilan, yang memang menjadi tujuan utama semua sistem undang-undang. Jika kita orang Islam mendakwa bahawa undang-undang Islamlah yang lebih baik dan layak untuk mencapai keadilan, kita akan diberi peluang yang lebih baik untuk menunjukkan perkara itu didalam amalan dan pelaksanaan undang-undang Islam itu, supaya prasangka yang buruk dan kecurigaan terhadap undang-undang Islam dapat dihapuskan.

Kedaaan sekarang dimana terdapat pemisahan antara syariah dan undang-undang Sivil dan antara peguam sivil dan peguam syariah adalah kesan sejarah dari zaman penjajah. Daripada bergantung begitu banyak kepada undang-undang Inggeris, kita harus berusaha mewujudkan undang-undang Malaysia. Kita telah berusaha memasukkan nilai-nilai Islam didalam pentadbiran, ekonomi, urusan perniagaan, dan perkembangan kebudayaan dan pelajaran kita. Hanya dibidang undang-undang sahaja tidak ternampak kesan nilai-nilai Islam itu. Didalam perkara ini, peranan yang penting harus dimainkan oleh

peguam Muslim, termasuk hakim-hakim Muslim, pegawai undang-undang Muslim dan peguambela dan peguamcara Muslim. Untuk membolehkan mereka memainkan peranan itu, kita harus membetulkan sistem pelajaran dan pendidikan peguam-peguam kita, supaya mereka dapat memahami dan menghargai undang-undang Islam dan dimasa yang sama kita dapat melaksanakan undang-undang Islam didalam praktiknya dengan sebaik-baiknya. Satu perbezaan yang terbesar antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil di Malaysia ialah undang-undang sivil ialah undang-undang yang bernyawa, berkembang dan praktikal akan tetapi undang-undang Islam masih terdapat didalam teori dan didalam kitab-kitab dan kurang dipraktik dan diperkembangkan. Satu-satu tugas institusi pelajaran undang-undang dan syariah di Malaysia ialah meneliti bagaimana undang-undang Islam boleh dilaksanakan dengan baik, supaya jelas ia dilihat dengan mata, sebagai sistem undang-undang yang terbaik untuk orang-orang Islam, bahkan untuk semua orang di Malaysia. Untuk mencapai tujuan itu, kita perlu mendekatkan institusi pelajaran undang-undang dan institusi pelajaran Syariah. Fakulti Undang-Undang hendaklah mengadakan kursus asas didalam undang-undang Islam dalam masa empat tahun bagi ijazah LL.B. dan juga mengadakan tambahan tahun kelima untuk pelajaran Shariah dengan mendalam. Sebaliknya Fakulti dan Jabatan Syariah hendaklah mengadakan kursus asas undang-undang sivil didalam program Ijazah Sarjana Shariahnya dan menambah setahun lagi untuk mempelajari undang-undang am Malaysia secara intensif supaya membolehkan pelajar-pelajarnya diiktiraf sebagai "orang-orang yang berkelayakan" untuk maksud Akta Profesyen

Guaman. Dengan cara ini peguam syariah dan peguam sivil dapat diberi pengetahuan mengenai undang-undang Islam dan undang-undang sivil supaya mereka dapat bekerja bersama untuk mewujudkan undang-undang Malaysia, dan menjaminkan orang-orang Islam dibenarkan mengikut undang-undang yang sesuai dengan kehendak Islam. Bagi orang-orang yang bukan Islam di Malaysia, mereka bebas memilih apa sistem undang-undang mereka ingin memilih khususnya didalam undang-undang keluarga. Nampaknya setakat ini mereka lebih cenderung mengikut undang-undang Inggeris, akan tetapi kita harap satu masa nanti mereka dapat memahami undang-undang Islam dengan lebih baik dan mereka boleh memilih prinsip-prinsip undang-undang Islam dan tidak semata-mata menurut undang-undang Inggeris. Mungkin satu hari nanti, kita dapat mencontohi Indonesia dimana terdapat satu undang-undang keluarga yang dikenakan kepada semua orang di Indonesia, akan tetapi undang-undang itu ditadbir dan dilaksanakan di Mahkamah Shariah atau orang-orang Islam dan di Mahkamah Sivil untuk orang-orang bukan Islam.

Sebagai sebahagian wawasan kita, kita boleh mengharapkan pada satu masa dimana kita mempunyai Mahkamah Agung sebagai Mahkamah rayuan terakhir untuk semua kes-kes undang-undang Islam dan undang-undang sivil, mungkin dengan suatu bahagian Islam khas untuk memutuskan kes-kes mengenai Hukum Syara'. Hakim-hakim Mahkamah Agung itu hendak dipilih dari mereka yang mahir didalam undang-undang Islam dan undang-undang sivil Malaysia dan dibawa Mahkamah Agung bolehlah diadakan dua aliran Mahkamah, Mahkamah Syariah untuk orang-orang

Permaisuri Undang-Undang
Universiti Malaysia

Islam dan Mahkamah Sivil untuk orang-orang bukan Islam. Sebagai langkah mencapai wawasan itu memanglah perlu kita mengubah sistem pelajaran undang-undang (termasuk syariah) di Malaysia supaya tumpuan yang sewajarnya diberi kepada undang-undang Islam dan undang-undang sivil atau undang-undang awam di Malaysia.

ANJUAN
JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

KERTAS KERJA
PEMGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
JABATAN SYARIAH FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UKM BANGI

OLEH
DR. ABDUL SAMAD HUDA
KETUA JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UKM BANGI

PADA
25 - 26 OGOS 1993

BILIK JURAHAN
PARAS 1, BANGUNAN PENTADBIR